

**PROSES KERJA PENGURUSAN ADUAN BERKAITAN
PENGURUSAN / PENTADBIRAN PEMAJU / JMB / SUB MC /
EJEN PENGURUSAN**

BIL	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB	BORANG /PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG
1	Aduan yang dikemukakan dikenal pasti	PESURUHJAYA BANGUNAN	Bahagian IV, V, dan VI menyatakan prosedur / bidang kuasa yang perlu dipatuhi oleh pihak pemaju / JMB / MC / Sub MC / Ejen Pengurusan dalam pengurusan pentadbiran bangunan bertingkat. Sekiranya peruntukan dalam Bahagian ini gagal, Pesuruhjaya Bangunan mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan penyelesaian/ perundangan berdasarkan peruntukan tertentu di dalam Akta tersebut.
2	COB mohon maklumat dari JMB/MC/Ejen Pengurusan berhubung aduan yang diterima		
3	Siasatan dokumen / tapak dijalankan oleh Pesuruhjaya Bangunan untuk mengenal pasti: 1. Punca masalah 2. Pihak terlibat 3. Mendapatkan bukti-bukti aduan		
4	Laporan siasatan disediakan oleh Pesuruhjaya Bangunan		
5	Pesuruhjaya Bangunan mengeluarkan surat arahan tindakan kepada pihak pengurusan berserta perkara berikut: 1. Tempoh untuk tindakan ditetapkan kepada pihak terlibat.		

	2. Tindakan yang dijalankan perlu dimaklumkan kepada Pesuruhjaya Bangunan Jika pihak pengurusan tidak boleh menyelesaikan, maka Pesuruhjaya Bangunan akan menetapkan kaedah penyelesaian seperti mesyuarat / perbincangan / nasihat / taklimat yang mana bersesuaian.		
6	Pihak pengurusan menjalankan arahan untuk menyelesaikan aduan sebagaimana yang diarahkan oleh Pesuruhjaya Bangunan. Memaklumkan kepada Pesuruhjaya Bangunan berkenaan tindakan yang telah diambil pada tempoh yang telah ditetapkan.	PESURUHJAYA BANGUNAN	Pemaju/JMB/MC/Sub MC/ Ejen Pengurusan
7	Pesuruhjaya Bangunan memastikan pihak berkenaan menjalankan arahan yang dikeluarkan. Sekiranya pihak terlibat gagal atau tidak menjalankan arahan tersebut dengan sebaiknya, Pesuruhjaya Bangunan akan menjalankan penguatkuasaan berdasarkan peruntukan Akta atau rujuk pengadu ke Tribunal	PESURUHJAYA BANGUNAN	

	Pengurusan Strata jika berkaitan. Aduan selesai jika pihak berkenaan menjalankan arahan seperti dikeluarkan. Mengeluarkan surat makluman kepada pengadu.		
--	---	--	--